



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Minggu
Date	10/7/2011

Tiga pendekatan transformasi koperasi

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak semalam menggariskan tiga pendekatan yang perlu menjadi amalan dalam usaha mentransformasikan sektor koperasi negara supaya bersifat besar, menyeluruh dan komprehensif.

Perdana Menteri berkata pendekatan itu ialah dengan melihat sama ada koperasi itu memerlukan perubahan struktural iaitu mempunyai kemampuan untuk berdaya maju serta berdaya saing atau sebaliknya.

Misalnya, beliau berkata langkah yang dilaksanakan dengan menggabungkan bank-bank sebelum ini, memberi kesan besar kepada sektor kewangan negara dan langkah itu juga boleh dilakukan dengan menggabungkan koperasi-koperasi kecil menjadi lebih besar.

"Satu ketika dulu, kita ada banyak bank komersial tetapi sekarang ada lapan bank utama. Apabila kita gabungkan, maka setiap bank komersial ada kekuatan yang lebih untuk bersaing dan lebih maju.

"Kalau koperasi kecil dalam perkhidmatan teksi sekadar 30 buah teksi... kalau kita bertahan dengan ini, kita rasakan cukup selesa, tentu sekali kita tidak akan dapat kemajuan yang besar.

"Sebaliknya, bila kita melakukan perubahan sktruktural, kita gabungkan menjadi lebih besar dan dalam perniagaan, lazimnya lebih besar lebih baik, maknanya daripada segi saiz ada signifikan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Koperasi Negara 2011 di sini, semalam.

Najib berkata gerakan koperasi juga perlu menjalankan perniagaan mereka dengan mengamalkan konsep urus tadbir yang baik seperti dilakukan kerajaan terhadap syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta dalam sektor perkhidmatan awam.

"Urus tadbir yang baik mesti kita dukung dalam gerakan koperasi, tidak kira besar atau kecil tetapi komitmen kita kepada urus niaga yang baik mesti dilakukan kalau kita hendak mencapai transformasi yang dihasratkan.

"Urus tadbir yang baik boleh jadi, kalau kita ada ketua pentadbir koperasi yang tidak begitu berwibawa atau bekerja separuh masa, mungkin kita boleh cari ketua pentadbir koperasi sepenuh masa, adalah seorang profesional yang mempunyai kemampuan, kompetensi dan nilai integriti tinggi yang akan menjadi ejen kepada transformasi koperasi kita," katanya.

Perdana-Meateri berkata setiap gerakan koperasi juga perlu meletakkan sasaran dalam bentuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya perniagaan mereka lebih efisien serta mampu meningkatkan pendapatan anggotanya. - BERMA

